



PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh : 27 Ogos 2019

Bil. 9/2019

Ruj.: UMS/PEND2.1/100-1/7/2

WAKTU BERKERJA BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG MEMPUNYAI ANAK-ANAK KURANG UPAYA (OKU)

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan bagi memaklumkan kelonggaran waktu bekerja bagi kakitangan Universiti Malaysia Sabah yang mempunyai anak-anak kurang upaya (OKU).

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Mesyuarat Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PBPU) Bil. 7/2004 (32) yang bersidang pada 28 Oktober 2004 telah bersetuju melaksanakan arahan Jabatan Perkhidmatan Awam melalui surat bernombor rujukan JPA(S) 1619 Klt. 11 (29) bertarikh 30 Ogos 2004 yang membenarkan kakitangan yang mempunyai anak-anak kurang upaya untuk menggunakan masa-masa tertentu yang diperlukan dalam Waktu Bekerja biasa untuk menguruskan kebajikan dan keperluan anak-anak mereka.

2.2 Kelonggaran ini diberikan tertakluk kepada;

2.2.1 Kakitangan berkenaan mendapat kebenaran Ketua Jabatan;

2.2.2 Kanak-kanak yang dikategorikan sebagai OKU berkenaan hendaklah dibawah definisi OKU dibawah Akta Orang Kurang Upaya 2008 dan berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Salinan pendaftaran hendaklah dikemukakan sebagai bukti;

2.2.3 Kakitangan berkenaan perlu mengantikan semula waktu yang digunakan untuk menyelesaikan tugas hakikinya bagi memastikan perkhidmatannya tidak terjejas.

2.3 Kakitangan yang mempunyai kanak-kanak OKU hendaklah memaklumkan kepada Bahagian Sumber Manusia bagi tujuan pelaksanaan Pekeliling ini.

3.0 PELAKSANAAN

3.1 Kemudahan kelonggaran waktu bekerja bagi kakitangan Universiti Malaysia Sabah yang mempunyai anak-anak kurang upaya (OKU) ini terpakai kepada semua kakitangan Universiti Malaysia Sabah.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

4.1 Pekeliling Pendaftar ini berkuat kuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima Kasih.

"BERTEKAD CEMERLANG"

Yang ikhlas,



VINA ZAHRIANI YUSOF
Pendaftar

Tarikh : 27 Ogos 2019

- s.k.
- ☞ Naib Canselor
 - ☞ Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - ☞ Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - ☞ Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - ☞ Penolong Naib Canselor
 - ☞ Bendahari
 - ☞ Ketua Pustakawan